

Hari Buah Pinggang Sedunia 14 Mac ini

KUALA LUMPUR 24 Jan. - Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) mengajak seluruh rakyat Malaysia bersama-sama meraihkan Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2019 yang akan berlangsung pada 14 Mac ini.

Untuk memeriahkan sambutan tersebut, NKF turut mengajurkan Hari Terbuka NKF 2019 pada tarikh sama yang akan dilangsungkan di Pusat Sumber NKF-BERJAYA, Petaling Jaya.

Menurut Ketua Pemasaran, Komunikasi dan Dana NKF, K. Shobana, sambutan tersebut akan merangkumi tiga acara utama, iaitu Tarian Kecergasan Bollywood, Saringan Kesihatan dan Ceramah Kesihatan.

“Kami membawakan pakar tarian Bollywood, Kirenjit Singh sebagai pengajar untuk acara tarian kecergasan itu nanti.

“Ini adalah salah satu cara kami untuk mengajak orang ramai beriadah secara sihat dan



PENGARANG *Utusan Malaysia*, Datuk Zulkefli Hamzah beramah mesra dengan K. Shobana (kiri), Stephanie Wee serta Teo Say Guan di Jabatan Editorial Utusan Melayu (M) Berhad, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ROHAIDA ZULKIFLI

menyeronokkan,” katanya ketika ditemui selepas melakukan lawatan ke Ibu pejabat Utusan Melayu (M) Berhad, di sini hari ini.

Sementara itu, bagi acara Saringan Kesihatan, NKF akan

menyediakan saringan Indeks Jisim Badan (BMI), tekanan darah, kandungan gula dalam darah, ujian air kencing serta perkhidmatan kaunseling kesihatan percuma kepada pengunjung.